

Aktiviti: Bina tabung.

Bahan: Surat khabar, tin atau botol terpakai, pisau, gunting, pen penanda, kertas warna, cat, gam pelekat dan duit mainan.

Arahan:

- 1 Murid dibahagikan mengikut kumpulan dan diberikan bahan untuk membuat tabung.
- 2 Bentangkan surat khabar dan bukakan penutup tin atau botol tersebut.
- 3 Tekap penutup pada kertas warna. Balutkan tin atau botol dan penutup itu dengan kertas warna menggunakan gam pelekat.
- 4 Lakarkan bentuk tempat memasukkan duit syiling untuk dipotong nanti.
- 5 Potong bentuk itu menggunakan pisau.
- 6 Hiaskan tabung itu mengikut kreativiti serta melambangkan kesepakatan dalam kumpulan.
- 7 Setiap kumpulan diminta untuk membuat pembentangan bagi setiap tabung yang dibina oleh mereka.

